


DATE: 20/7/2008



TUANKU MUHRIZ menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Peradaban Islam kepada Abdullah di Bangi, semalam.

BH-22/7/2009

Tun Abdullah terima ijazah kehormat

BANGI: Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Peradaban Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada majlis konvokesyen khas di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, di sini, semalam.

Anugerah sebagai pengiktirafan jasa beliau yang berjaya menzahirkan pendekatan Islam Hadhari itu disampaikan sempena majlis pemasyhuran Yang di-Perutusan Besar Negeri Sembilan,

Tuanku Muhriz Tuanku Munawir sebagai Canselor ketiga universiti berkenaan.

Berangkat sama, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Pendekatan Islam Hadhari menekankan usaha membentuk 'umatan wasata', ia itu contoh kepada manusia kerana ajarannya menjadikan Islam agama mengutamakan kesederhanaan dan toleransi.

Dalam ucapannya, Abdullah berkata, pembangunan umatan wasata mesti bertun-

jang pendekatan muafakat dan menggalak perkongsian pandangan yang boleh menghilangkan perbalahan, bukan saja untuk amalan umat Islam malah bukan Islam.

"Tamadun dan peradaban tinggi perlu dibina dan dalam konteks ini. Manhaj Islam Hadhari boleh diamalkan sebagai pendekatan bagi mencapai keamanan dan persefahaman," katanya.

Selain itu, Abdullah berkata, menerusi pendekatan Islam Hadhari, kaedah peribadi berasaskan syariah mudah diterima.